KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 27 MAC 2021 (SABTU)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 27 MAC 2021 (SABTU)

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : SABTU
TARIKH : 27/3/2021
M/SURAT : 23

# Pembantu pengurus syarikat didenda RM50,000 buat tuntutan palsu

**KUALA LUMPUR -** Seorang pembantu pengurus sebuah syarikat didenda RM50,000 atau penjara tiga bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas tuduhan membuat tuntutan bayaran bantuan kewangan menggunakan dokumen palsu pada tahun 2019.

Hakim Suzana Hussin menjatuhkan hukuman itu selepas Koh Chee Wei, 42, mengaku bersalah menggunakan dokumen palsu iaitu satu set dokumen Penyata Tuntutan Bayaran Bantuan Kewangan Kepada Kilang Penapis/ Pembungkus Minyak Masak Sawit Tulen bagi tarikh 1 sehingga 15 November 2019 yang mengandungi dokumen invois di Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 25 November 2019.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya. - *Bernama*

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : SABTU
TARIKH : 27/3/2021
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM5.99 | Telur Gred A | RM7.99 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM12.70 |
| Daging Lembu Tempatan | RM35 | Ikan Kembung | RM6.50 | Bawang Besar Holland | RM2.69 | Kubis Bulat Tempatan | RM3.80 |
| Daging Lembu Import | RM28 | Minyak Masak | RM5.32 | Bawang Putih | RM4.80 | Tepung Gandum | RM1.32 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP